

Menteri Besar tegur sikap penjaga pilih sekolah

KUANTAN, Sabtu — Menteri Besar Pahang, Datuk Najib Tun Abdul Razak menegur sikap setengah-setengah ibu bapa yang suka memilih sekolah tertentu untuk anak-anak mereka belajar.

"Sikap suka memilih seperti itu tidak mungkin mewujudkan satu suasana pembelajaran dan pengajaran yang sihat, sebaliknya akan menimbulkan kesesakan di sesebuah sekolah sahaja," ujarnya.

Menurutnya, semua sekolah sama ada di luar bandar atau di bandar telah ditingkatkan tarafnya dan pelajaran yang diajar di sekolah-sekolah itu sama sahaja.

Beliau menyatakan demikian ketika merasmikan Sekolah Kebangsaan Bukit Sekilau dekat sini. Ucapannya disampaikan oleh ahli Exco Negeri, Encik Abdullah Kia.

Jabatan Pelajaan, menurut Datuk Najib, telah mengadakan satu dasar pengambilan murid iaitu mereka akan ditempatkan di sekolah-sekolah yang berhampiran dengan kediaman mereka sahaja, walaupun diberi peluang untuk memilih sekolah yang mereka sukai.

Beliau berpuas hati dengan pencapaian murid di negeri ini walaupun kadar kelulusannya masih rendah.

Datuk Najib menyeru ibu bapa supaya membantu anak-anak mereka dan sekolah untuk mewujudkan satu suasana pelajaran yang selesa dan jangan hanya membebankan tanggungjawab itu kepada sekolah sahaja.

Terdahulu dari itu, Timbalan Pengarah Pelajaran Pahang, Encik Gahzali Uda Omar berkata, beberapa sekolah pedalaman dan luar bandar menunjukkan prestasi baik dalam peperiksaan.

Menurutnya, beberapa buah sekolah mencatatkan keputusan yang baik dalam peperiksaan penilaian darjah lima tahun lalu.

Bagaimanapun, sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan masih dapat menguasai kedudukan itu berdasarkan bilangan yang mendapat 5A.

Tahun lalu 179 murid dari 15 sekolah rendah jenis kebangsaan mendapat 5A dalam peperiksaan tersebut berbanding 351 murid dari sekolah-sekolah rendah kebangsaan di seluruh Pahang.

Bagi sekolah-sekolah pedalaman 65 buah sekolah membaki pencapaian murid-murid mereka dengan sekurang-kurangnya seorang dari tiap sekolah yang mempunyai 44 orang murid mendapat 5A, jelas beliau.